

03/04/2002

RTM sedia hadapi saingan

SEBAGAI institusi penyiaran milik kerajaan tertua dan paling berpengaruh di negara ini, Radio Televisyen Malaysia (RTM) perlu mengekalkan prestasi cemerlangnya sebagai perintis dalam bidang penyiaran tempatan kini dan akan datang.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, meminta setiap warga penyiarinya supaya sentiasa bersedia untuk berdepan dengan pelbagai bentuk saingan stesen radio mahupun televisyen lain di negara ini dan antarabangsa.

"Yang penting, kita perlu memajukan dan membina keyakinan diri, malah kita juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Kita perlu menguasai bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Kini, kerajaan amat menggalakkan pelabur asing melabur dalam bidang kejuruteraan dan ICT selaras dengan kehendak dunia masa kini dan akan datang. PM (Perdana Menteri) pun baru-baru ini menyatakan ICT di negara ini berjaya menarik penyertaan 646 syarikat asing, jauh melebihi sasaran awal iaitu 500 syarikat menjelang tahun depan.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari RTM Ke-56 yang berlangsung di Auditorium Perdana, Angkasapuri semalam.

Hadir sama timbalannya, Datuk Khalid Yunus; Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin; Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Dr Arshad Hashim; Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Alimusa Sulaiman dan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas), Shariff Ahmad.

"Kenyataan Datuk Seri (Dr Mahathir Mohamad) itu jelas membuktikan negara memberikan perhatian serius terhadap perkembangan bidang baru itu. Jadi, RTM perlu bersedia dan berani mencuba, sekali gus menguasai bidang baru ini. Keperluan infrastruktur satu prasyarat utama perlulah disediakan.

"Dalam usaha membimbing dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat agar celik IT, penyiar juga perlu menguasai dan seterusnya muncul sebagai pendahulu bidang ini. Kewujudan laman web RTM dan siaran rancangan radio, selain TV menerusi Internet adalah usaha yang membanggakan," katanya.

RTM harus berbangga kerana mampu memiliki studio maya pada tahun ini, dengan kerajaan mengeluarkan belanja besar bagi mewujudkan kemudahan berteknologi tinggi itu.

"Sejak akhir-akhir ini, RTM juga berjaya menarik perhatian sebahagian besar masyarakat kita dan ini boleh diterjemahkan ke dalam jumlah tontonan yang sentiasa bertambah setiap masa. Ini dapat dilihat dari segala reaksi yang ditunjukkan masyarakat.

"Contohnya, enam rancangan terbitan RTM terpilih sebagai 10 rancangan yang mempunyai rating paling tinggi di Malaysia dan mengikut puratanya, antara 441,000 hingga 517,000 penonton mengikuti siaran Berita Perdana yang disiarkan RTM setiap hari, bermula jam 8 malam menerusi TV1 - Saluran Perdana.

"Bagi saya, ini perengkaan yang cukup membanggakan. Bagi mengekalkan penguasaan jumlah penonton ini, RTM hendaklah melipatgandakan usaha dengan serius supaya kita tidak alpa dan seterusnya ketinggalan dalam industri ini," kata Khalil.

Beliau berkata, menjadi tanggungjawab warga kerja RTM untuk mengekalkan keyakinan orang ramai, terutama penonton setianya, sekali gus bersesuaian dengan makna lain RTM - Rancangan Tetap Menarik dan Ramai Terus Menonton.

"Usaha serius perlu dipertingkatkan ke tahap lebih baik. Saya fikir ia

sesuai dengan azam baru ulang tahun ke-56 RTM ini. Kita juga berbangga lantaran RTM pada tahun ini dilantik sebagai hos penyiar bagi beberapa acara antarabangsa.

"Contohnya, mesyuarat mengenai keganasan Pertubuhan Persidangan Negara Negara Islam (OIC) yang sedang hangat berlangsung ketika ini. Syabas kepada RTM. Di samping itu, rancangan 'road show' untuk terus menonjolkan kewibawaan RTM ke seluruh negara adalah usaha yang bijak dan wajar diteruskan dari semasa ke semasa," kata Khalil.

Beliau mengingatkan perancangan kerajaan supaya RTM dapat beroperasi secara digital sepenuhnya perlu diberikan perhatian oleh semua pihak, khususnya di kalangan pegawai mahupun kakitangan institusi penyiaran itu.

"Sebenarnya, dalam Rancangan Malaysia Ke-8 kerajaan menyediakan peruntukan yang besar kepada RTM dalam usaha mempertingkatkan kualiti siaran serta infrastrukturnya. Jadi, kita akan melalui satu dimensi baru tidak lama lagi dengan perubahan daripada sistem analog kepada digital yang serba canggih, sekali gus bersesuaian dengan perkembangan semasa bidang penyiaran di negara ini, begitu juga dunia amnya.

"Warga RTM perlu meningkatkan keupayaannya dari semua segi dalam segala usaha kita untuk mengembangkan penguasaannya dan menjadikannya sebagai salah satu jenama media bertaraf antarabangsa," katanya.

Terdahulu, diadakan sesi pembacaan ikrar di kalangan pegawai kanan, selain kakitangan RTM, Jabatan Penyiaran Malaysia dan beberapa jabatan mahupun agensi lain di bawah Kementerian Penerangan, termasuk Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) serta Filem Negara yang diketuai oleh Alimusa.

Ia disusuli majlis pelancaran album khas Orkestra RTM Istimewa Bersama Tan Sri SM Salim, di mana penerbitannya bersempena Hari RTM Ke-56 selaku badan penyiaran tertua dan paling berpengaruh di negara ini.

Difahamkan, persembahan khas turut diadakan pada 7 April ini, jam 8.30 malam di Auditorium Perdana, dan pemimpin negara yang dijangka hadir termasuk Perdana Menteri sama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

(END)